



Superior Essex Inc.  
**Kod Etika**

Dimana anda hidup dan kerja™



# Jadual Isi Kandungan

- 3 Surat daripada CEO
- 4 Kod Etika
- 5 KOMITMEN KITA PADA RUANG PASARAN
- 5 KOMITMEN INTEGRITI KITA
- 6 KOMITMEN KITA PADA PEMATUHAN UNDANG-UNDANG
- 6 KOMITMEN KITA PADA PERLINDUNGAN ASET SYARIKAT
- 7 KOMITMEN KITA PADA PEKERJA
- 7 KOMITMEN KITA PADA PELAPORAN BERTANGGUNGJAWAB
- 8 KOMITMEN KITA PADA KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN
- 9 SIAPA YANG PERLU SAYA HUBUNGI JIKA ADA SEBARANG SOALAN ATAU KEBIMBANGAN TENTANG *KOD ETIKA*?
- 9 SISTEM PELAPORAN TANPA NAMA
- 10 BILAKAH SAYA PATUT MENGAJUKAN KEBIMBANGAN ATAU SOALAN?



# Surat daripada CEO



Rakan-rakan Para Pekerja Superior Essex yang Dihormati:

Seiring azam kita untuk kekal sebagai peneraju industri yang kompetitif, satu daripada keutamaan kita sebagai organisasi adalah kewajiban mengekalkan budaya memberikan kemudahan dan keupayaan kepada para pekerja untuk melakukan perkara yang betul untuk para pelanggan, pekerja dan pemegang saham kita.

*Kod Etika* Superior Essex dirangka untuk memberikan panduan kepada semua pekerja tentang cara membuat keputusan berkaitan bisnes yang sukar, dengan meletakkan integriti, standard perundangan dan standard etika pada tahap paling tinggi. Serentak dengan dasar syarikat yang lain, *Kod Etika* menggariskan tingkah laku yang memberikan gambaran paling baik tentang kita sebagai sebuah organisasi pada masa kini dan aspirasi pada masa hadapan. *Kod Etika* ini bertujuan menetapkan dan membentuk visi kita dari segi cara tingkah laku kita sebagai wakil Superior Essex. Oleh itu, kita mesti mematuhi *Kod Etika* sepenuhnya dari segi arahannya dan juga tujuan dan semangat di sebaliknya.

Sebagai pasukan yang berkongsi visi dan nilai teras yang sama, saya yakin sepenuhnya yang kita akan bersama-sama mencapai kejayaan hebat. Terima kasih atas sokongan berterusan anda dalam membentuk masa hadapan syarikat kita.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Daniel Choi', written in a cursive style.

Daniel Choi

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Superior Essex Inc.

# Kod Etika

Superior Essex Inc. komited menjalankan bisnes menurut standard integriti dan kecemerlangan paling tinggi dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kita boleh mencapai matlamat ini hanya dengan komitmen penuh seluruh warga kerja kita iaitu semua pekerja, pegawai dan pengarah kita di seluruh dunia. Kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi semangat dan arahan semua peraturan dan undang-undang kerajaan berkenaan serta *Kod Etika* ini.

*Kod Etika* ini menekankan prinsip yang mencerminkan standard Syarikat mengenai amalan bisnes beretika dan sah di sisi undang-undang. Panduan yang lebih terperinci boleh didapati dalam dasar dan prosedur Syarikat. Di Amerika Utara, dasar sebegini termasuk Standard Pengendalian Bisnes dan Buku Panduan Pekerja. Anda boleh mendapatkan dasar dan prosedur Syarikat yang diguna pakai pada anda dengan menghubungi wakil HR anda atau melalui Intranet Korporat Syarikat.

*Kod Etika* dan dasar lain diguna pakai pada semua pegawai, pengarah dan pekerja Superior Essex Inc., subsidiari dan syarikat bersekutunya.



## KOMITMEN KITA PADA RUANG PASARAN

Syarikat komited bersaing secara sah di sisi undang-undang dan beretika dalam ruang pasaran. Kita jujur dan adil dalam semua urusan bisnes kita dengan para pelanggan, pembekal dan vendor bisnes.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Kita tidak sesekali menggunakan cara yang salah di sisi undang-undang atau tidak beretika untuk mengenali pesaing kita dan kita mengumpulkan maklumat bisnes dengan cara yang betul dan mematuhi undang-undang.
- > Kita memasarkan dan menjual produk kita dengan kejujuran dan integriti serta mematuhi semua undang-undang yang berkenaan.
- > Kita bersaing dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang antitrust dan undang-undang persaingan yang berkenaan.

## KOMITMEN INTEGRITI KITA

Tanpa reputasi yang baik, Syarikat tidak mampu berjaya. Kita semua mesti sama-sama bertindak untuk mengekalkan dan meningkatkan reputasi Syarikat. Bagi mencapai tujuan ini, kita semua mesti bertindak dengan penuh integriti.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Kita mengelakkan konflik kepentingan yang sebenar atau berkemungkinan. Konflik kepentingan boleh berlaku apabila kita mengambil tindakan atau mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan atau menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan tugas kita dalam Syarikat secara objektif dan berkesan.
  - Kita sedar yang konflik kepentingan mungkin termasuk:
    - memiliki kepentingan kewangan dalam syarikat pesaing;
    - memiliki kepentingan kewangan dalam syarikat yang menjalankan bisnes atau ada perjanjian dengan syarikat ini;

- mengambil kesempatan atas peluang korporat yang kita ketahui disebabkan oleh jawatan kita;
- mengadakan perjanjian pinjaman dengan organisasi yang menjalankan bisnes dengan syarikat; atau
- mengambil saudara-mara terdekat bekerja.

- Kita sedar yang aktiviti dan kepentingan kewangan pasangan, anak, orang tua atau keluarga pasangan kita mungkin menyebabkan potensi konflik kepentingan atau kelihatan seperti konflik kepentingan.
- > Kita tidak menawarkan atau menerima hadiah, termasuk makanan dan hiburan, kecuali setakat dibenarkan oleh dasar Syarikat.
- > Kita akan mendedahkan sebarang potensi konflik kepentingan seperti disyaratkan dalam dasar Konflik Kepentingan Syarikat.



## KOMITMEN KITA PADA PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Syarikat komited mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai pada bisnes kita.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Pada peringkat global, kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir urus aktiviti kita, termasuk penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pemasaran, pengedaran dan penjualan produk kita.
- > Kita tidak membenarkan bayaran secara langsung atau tidak langsung kepada pegawai kerajaan yang boleh dianggap sogokan yang melanggar undang-undang yang berkenaan. Kita sedar yang “pegawai kerajaan” adalah termasuk kakitangan kerajaan, ahli parti politik dan calon jawatan politik serta kakitangan syarikat berkaitan kerajaan.
- > Kita tidak berurus niaga atau mendedahkan maklumat “dalaman” secara tidak betul iaitu maklumat bukan umum yang penting kepada seseorang bagi memutuskan sama ada mahu membeli atau menjual saham Syarikat.
- > Kita tidak membenarkan sebarang aktiviti politik peribadi dilakukan semasa waktu bekerja Syarikat atau penggunaan sumber Syarikat sehubungan dengan aktiviti sebegitu, kecuali aktiviti itu dilindungi secara khusus oleh undang-undang berkenaan.

## KOMITMEN KITA PADA PERLINDUNGAN ASET SYARIKAT

Kita beroperasi dengan mengutamakan kepentingan Syarikat dan pemegang saham kita dan kita meneliti penggunaan semua aset dan sumber kita.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Kita melindungi semua aset Syarikat termasuk komputer dan rangkaian kita, daripada penyalahgunaan atau kecurian.
- > Kita menyimpan rekod Syarikat menurut undang-undangan dan garis panduan pengekalan rekod yang berkenaan.
- > Kita menjaga maklumat sulit, proprietari dan peribadi Syarikat daripada pendedahan tidak wajar atau tanpa keizinan.
- > Kita melindungi harta intelek Syarikat (seperti paten, tanda dagangan, rahsia perniagaan dan hak cipta) dan kita menghormati hak harta intelek pihak lain.



## KOMITMEN KITA PADA PEKERJA

Syarikat komited melayan semua pekerja secara bermaruah dan penuh hormat serta menyediakan tempat kerja yang bebas diskriminasi. Keselamatan pekerja kita dan pihak lain yang bekerja dengan Syarikat adalah keutamaan.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Kita merekrut, mengambil, melatih, menaikkan pangkat dan menyediakan keperluan pekerjaan lain tanpa mengira bangsa, agama, jantina, warna kulit, kewarganegaraan, orientasi seksual, umur, kelainan upaya, status ketenteraan atau sebarang status dilindungi lain berkenaan seseorang, serta menurut undang-undang yang berkenaan.
- > Kami komited untuk mengupah dan mengekalkan populasi pekerja yang mencerminkan kepelbagaian komuniti/populasi di tempat kami beroperasi. Setiap tahun kami menilai kepelbagaian dan menetapkan matlamat pengambilan bekerja seperti yang diperlukan.
- > Kita tidak bertoleransi pada gangguan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh pengurus atau pekerja kita.
- > Kita menggalakkan tempat kerja yang bebas pengaruh dadah dan alkohol dan menegaskan pekerja menjalankan tugas mereka untuk Syarikat tanpa pengaruh dadah yang menyalahi undang-undang atau alkohol.
- > Kita mengekalkan persekitaran tempat kerja yang menggalakkan dan melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja kita.

## KOMITMEN KITA PADA PELAPORAN BERTANGGUNGJAWAB

Syarikat komited melaksanakan matlamat pertumbuhan dan perolehan yang kukuh. Kita berterus-terang tentang operasi dan prestasi kita. Syarikat komited menyampaikan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai kepada pihak pengurusan, pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan.

### Demi memenuhi komitmen ini:

- > Kita menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang tepat dan lengkap serta tidak sesekali mewujudkan laporan atau rekod palsu atau mengelirukan termasuk laporan perbelanjaan atau rekod masa.
- > Kita mematuhi dasar, prosedur dan sistem kawalan dalaman Syarikat yang direka bentuk untuk memastikan rekod perakaunan dan rekod lain kita tepat dan lengkap.
- > Kita melaporkan dengan serta-merta sebarang kebimbangan tentang ketepatan dan tahap lengkap rekod kewangan atau bisnes.
- > Kita mematuhi dasar Syarikat berkaitan komunikasi dengan orang awam dan pihak berkepentingan dalam Syarikat.



## KOMITMEN KITA PADA KESIHATAN, KESELAMATAN, DAN PERSEKITARAN

Kesehatan dan keselamatan pekerja, pelanggan, pembekal dan pelawat adalah keutamaan kita. Kita mengikuti semua amalan kesihatan dan keselamatan yang sepatutnya, termasuk undang-undang, peraturan dan dasar Syarikat yang berkaitan.

### Dengan menghormati komitmen ini:

- > Kita sentitasa mengutamakan keselamatan.
- > Kita meminimumkan impak operasi kita terhadap alam sekitar.
- > Kita mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar Syarikat mengenai perlindungan alam sekitar.





## SIAPA YANG PERLU SAYA HUBUNGI JIKA ADA SEBARANG SOALAN ATAU KEBIMBANGAN TENTANG *KOD ETIKA*?

Kebanyakan isu berkaitan *Kod Etika* dan pelaksanaan kod dalam keadaan tertentu boleh diselesaikan pada peringkat tempatan sebelum menjadi masalah kepada Syarikat, pekerja atau orang ramai. Syarikat menggalakkan pekerja membentangkan idea, menyuarakan kebimbangan atau mengajukan soalan tentang *Kod Etika* ini, terutamanya perkara yang berkaitan perundangan atau etika. Semua pengurus bertanggungjawab menyokong dan menguatkuasakan dasar ini dengan mengekalkan “pintu terbuka” untuk kakitangan bawahan mereka dan sesiapa yang mungkin mahu mendekati pengurus dalam hal ini.

Meskipun kita berharap para pekerja selesai membincangkan sebarang hal dengan penyelia mereka, ada masanya penyelia tidak boleh membantu. Ada pelbagai sumber lain yang boleh membantu.

Anda boleh menghubungi sesiapa yang berikut:

- > Penyelia tahap seterusnya yang lebih tinggi
- > Ketua unit bisnes anda
- > Mana-mana ahli Jabatan Undang-undang
- > Pihak Sumber Manusia tempatan atau korporat
- > Ketua Pegawai Pematuhan

Meskipun soalan dan kebimbangan anda biasanya boleh diselesaikan pada peringkat tempatan, Ketua Pegawai Pematuhan memberikan satu lagi cara menangani isu yang tidak boleh diselesaikan pada peringkat itu. Pada amnya, beliau boleh memberikan cara melaporkan kebimbangan atau mendapatkan maklumat atau nasihat berkaitan *Kod Etika*. Anda boleh menghubungi Ketua Pegawai Pematuhan melalui e-mel [compliance@spsx.com](mailto:compliance@spsx.com) atau telefon **001 (770) 657-6000**.

## SISTEM PELAPORAN TANPA NAMA

Meskipun anda sepatutnya boleh menyelesaikan isu pematuhan anda melalui sumber yang diberikan dalam *Kod Etika*, mungkin akan ada keadaan anda mahu menyuarakan isu atau kebimbangan tanpa menyatakan identiti anda. Sehubungan dengan ini, Syarikat sudah menyediakan Sistem Pelaporan Tanpa Nama. Semua mesej yang dihantar melalui sistem ini tiada nama pengirim (kecuali anda mendedahkan nama anda) dan disemak oleh Ketua Pegawai Pematuhan Syarikat atau kakitangan jabatan yang bertindak

bawah penyeliaan beliau. Syarikat menyasat dan menguruskan semua mesej secara wajar. Bagi mendapatkan maklum balas tentang kebimbangan atau komen anda, anda mungkin perlu memberikan maklumat tambahan berkaitan mesej anda dengan ketanpanamaan sepenuhnya. Sistem akan menjana kod 15 angka untuk setiap aduan atau komen dan anda boleh menggunakan kod itu untuk menjejak status mesej anda serta berinteraksi secara sulit dengan Ketua Pegawai Pematuhan atau pihak lain yang menggunakan sistem itu.

### Sistem Pelaporan Tanpa Nama

|                           |   |
|---------------------------|---|
| Borang Web Selamat        | <a href="http://www.whistleblowerservices.com/spsx">www.whistleblowerservices.com/spsx</a>  |
| Peti Suara Talian Penting | <ul style="list-style-type: none"><li>&gt; A.S. &amp; 1-866-257-5570 (bebas tol) Kanada:</li><li>&gt; Negara 001-402-572-5475 Lain:</li><li>&gt; Nota: Semua mesej peti suara akan disamarkan secara elektronik bagi memastikan kerahsiaan identiti anda.</li></ul> |

**Ingat, anda perlu melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat yang diketahui, termasuk sebarang pelanggaran *Kod Etika*. Apabila ragu-ragu, ajukan kebimbangan anda.**

## BILAKAH SAYA PATUT MENGAJUKAN KEBIMBANGAN ATAU SOALAN?

Idealnya, anda perlu mengajukan kebimbangan atau soalan tentang *Kod Etika* sebelum masalah sebenar timbul. Anda perlu bersuara jika anda percaya anda atau rakan sekerja anda berisiko melanggar undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat atau jika anda berasa tidak selesa tentang sesuatu keadaan. Apabila ragu-ragu, ajukan kebimbangan anda.

Semua pekerja akan dilayan secara bermaruah dan penuh hormat dan tidak akan dikenakan tindakan balas, ugutan atau gangguan susulan mengajukan kebimbangan atau soalan.

